

Barat iri hati: Mahathir

KUCHING, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan tindakan negara maju yang sengaja mengkritik sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia, dengan tujuan melemahkan kerajaan dan ekonomi negara ini.

Perdana Menteri berkata, mereka (negara maju) mendakwa Malaysia tidak demokratik kerana negara ini tidak menukar kerajaan sejak ia mencapai kemerdekaan.

Menurutnya, apa yang sebenarnya berlaku di Malaysia ialah kerajaan sama yang memerintah adalah atas pilihan rakyat (menerusi pilihan raya).

“Oleh itu, saya tidak faham kenapa mereka kata kita tidak demokratik kerana hanya kita tidak tukar kerajaan pada setiap kali pilihan raya.

“Mereka suka jika kita sering bertukar kerajaan kerana apabila kerajaan bertukar, dasar pun berubah yang menyebabkan pela-

bur (tempatan dan luar negara) tidak berminat menanam modal di negara ini.

“Ini seterusnya menyebabkan ekonomi tidak maju dan menjadi lemah... inilah barangkali niat mereka kerana mereka tahu pelabur hanya akan melabur jika sesuatu negara mempunyai dasar yang konsisten,” katanya.

Beliau bercakap dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sini, petang ini, sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak.

Dr Mahathir menegaskan di Malaysia rakyat bukan sahaja berhak menolak kerajaan yang memerintah tetapi memilih kerajaan baru.

“Dalam hubungan itu, saya fikir negara kita adalah demokratik. Sebenarnya, negara Barat tidak senang jika kita maju. Sebaliknya, jika kita tidak maju, dia kata kita tidak pandai memerintah... jadi, semuanya tak kena,” katanya.

Beliau berkata, sudah menjadi sifat semula jadi negara Barat apabila melihat sesebuah kerajaan yang kuat, mereka akan menyokong orang yang menentang kerajaan supaya pemerintah jatuh.

“Tetapi selepas kerajaan baru mengambil alih kuasa, mereka pula ditentang oleh negara terabit dan begitulah seterusnya, seperti yang berlaku di Habsyah dan Vietnam, sedikit masa lalu,” katanya.

Sebelum itu, sewaktu merasmikan ibu pejabat baru dan ulang tahun ke-35 parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) di Jalan Bako di sini, Perdana Menteri berkata keupayaan Malaysia membangun begitu pesat sejak merdeka sehingga melebihi negara lain termasuk Barat, adalah kerana rakyatnya faham dan sedar apa makna sebenar demokrasi.

“Demokrasi bukan bermakna kita bebas untuk buat apa sahaja tetapi ia juga memerlukan perasaan bertanggungjawab,” katanya.